

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa tindakan akan diambil terhadap Menteri Dalam Negeri yang telah mengeluarkan suatu surat rekomendasi/pujian untuk seorang "kingpin" perjudian antarabangsa, ianya Paul Phua, sedangkan pihak PDRM mempunyai rekod jenayah Paul Phua itu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan, tiada sebarang tindakan diambil keatas YB Menteri Dalam Negeri kerana beliau tidak menulis surat rekomendasi/pujian untuk Paul Phua Wei Seng.

YB Menteri Dalam Negeri hanya menulis surat makluman kepada pertanyaan FBI (Federal Bureau of Investigation) melalui Tetuan Shafee & Co. dengan usahasama firma guaman Chesnoff & Schonfeld di Amerika Syarikat, bahawa Phaul Pua Wei Seng tiada sebarang penglibatan dengan kumpulan kongsi gelap 14 K Tried di Malaysia.

Tambahan itu, berdasarkan rekod Polis di-Raja Malaysia (PDRM), Paul Phua Wei Seng tidak mempunyai sebarang rekod kesalahan lampau di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.